

Haniff pamer kemahiran pada 'Automobile Technology'

Sinar
19/11/08

THE 01

■ NORJAMILAH ABD SALAM

Pertandingan Kemahiran ASEAN ke-7 diadakan pada 10 November 2008 hingga 19 November 2008 di Akademi Binaan Malaysia (ABM) Jalan Chan Sow Lin, Kuala Lumpur. Melalui pertandingan sumpama ini dapat merapatkan ukhuwah di antara anggota peserta selain bekerjasama dalam mendalami ilmu dan kepakaran dalam bidang teknikal dan vokasional.

Di samping itu, untuk menggalakkan kerjasama di antara kerajaan, organisasi, melibatkan 'majikan dan pekerja' dan pusat latihan vokasional.

Melalui pertandingan kemahiran sebegini memberi ruang kemudahan dan mengiktiraf hasil teknikal yang terbaik dan membangunkan generasi muda yang membina dengan pelbagai teknik kemahiran yang menjadi kepentingan pada-masa kini. Pertandingan

Peringkat Asean akan diadakan pada setiap tahun ganjil seperti tahun 2005, 2007, dan 2009 hanya melibatkan negara-negara ASEAN sahaja. Manakala peringkat World Skill untuk tahun genap seperti tahun 2006 dan 2008.

Justeru itu, tred untuk Automobile Technology mewakili Malaysia, Nor Azfar Haniff Mazlan, 22, anak muda yang gigih bersemangat waja mempelajari dan mengaplikasikan teknik automotif yang diketahuinya. Sebagai kumpulan pertama yang mewakili negara ke ASEAN perasaan bangga pasti terselit di jiwa anak muda yang cukup gigih berusaha ke arah menggapai kejayaan.

Negara ASEAN yang terlibat ialah Brunei, Kemboja, Indonesia, Thailand, Singapura, Malaysia, Laos, Vietnam, Filipina dan Myanmar. Anak muda yang lebih mesra dipanggil Haniff, mendapat tajaan sepenuhnya oleh PROTON untuk pertandingan kali ini. Untuk bahagian Automobile Technology dibahagikan kepada

enam bahagian dan setiap satu diperuntukkan masa selama tiga jam setiap satu.

Pertandingan kemahiran sebegini adalah untuk mengembangkan lagi mutu pengembangan dan kualiti kemahiran dalam bidang vokasional dan teknikal mengenai cara kerja dan nilai prestasi yang diaplikasikan. Bidang automotif mesin memerlukan mekanik membaiki pulih segala kerosakan pada kereta, trak tunda, dan pelbagai lagi jenis kenderaan bermotor untuk memastikan segala kelengkapan dan peralatan yang ada pada kereta sentiasa dalam keadaan yang baik.

"Proses melibatkan analisis diagnosis komputer seperti analisis inframerah enjin, uji kaji 'spark plug' dan 'compression gauges'. Banyak elemen yang perlu diberi perhatian dan dikendalikan mengikut prosedur yang ditetapkan. Untuk mendapatkan hasil yang terbaik dalam menyiapkan tugas masalah yang diberikan, perancangan secara sistematik

dan gerak kerja tersusun perlu diutamakan.

Setiap satu tugas adalah berlainan dan perlu mengendalikan dengan teliti. Markah diberi berdasarkan kepada prosedur kerja, aspek keselamatan dan pengendalian sistem kereta mengikut piawaian yang telah ditetapkan untuk sesebuah kereta," katanya kepada **Sinar Harian**.